

ٿئي ڦن ٿي ڦنه

PETIKAN TITAH

“BETA mahu supaya penuntut-penuntut semuanya menjadi generasi pemikir. Janganlah turun ke bawah dalam berfikir tetapi naik dan meningkatlah selalu sehingga mencapai taraf pemikir yang baik. Titah Sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Dengan Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland di Hotel Inter-Continental, London pada 22 Zulkaedah 1428 / 2 Disember 2007.



مانيسا ڀيمان

MANISNYA IMAN

“WAHAI

orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.”
(Surah Al Baqarah ayat 183).

TAHUN 55
BILANGAN 66

1431 شعبان 26
7 OGOS 2010

Pelita Online Harian :
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Emel :
pelitabrunei@information.gov.bn

Hotline : 2383941
Faksimile : 2381004

EDISI SABTU
PERCUMA

BEKALKAN PARA BELIA DENGAN PELBAGAI KEMAHIRAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wabihie Nasta'enu 'Alaa Umu-
riddunya Waddeen, Wassalatu Wassalamu Asyrafil Mursaleen, Sayidina
Muhammad Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een, Waba'du.

Sempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, beta ingin mengucapkan tahniah kepada semua golongan belia di negara ini, terutama mereka yang turut terlibat menyumbang kepada pembangunan dalam apa pun bidang, khasnya bidang keusahawanan.

Masa depan negara tidak syak lagi, banyak bergantung kepada golongan belia. Kerana itu mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran, semangat jati diri serta akidah yang mantap.

Beta melihat, golongan belia kita perlu dirancang, bagaimana untuk menjadikan mereka itu berjiwa besar dan bercita-cita tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi yang berjaya.

Penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan perlu terus digalakkan melalui latihan-latihan atau pendidikan, sama ada yang bersifat formal ataupun tidak, yang telah kerajaan beta sediakan.

Kefahaman yang mendalam mengenai bidang keusahawanan ini sangatlah penting, kerana daripadanya akan tercetus pelbagai kegiatan keusahawanan dan sekali gus mampu untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia.

Bidang ini bukanlah mudah, ia termasuk salah satu bidang yang penuh dengan saingan dan cabaran. Oleh itu, untuk mencapinya, para belia perlu mempunyai kekuatan dalaman, iaitu *jiwa yang besar*.

Jiwa besar ini akan mendorong mereka lebih rajin berusaha, sanggup *berbasah berkering dan tahan lasak*. Inilah belia yang kita dan negara impikan. Belia seperti ini, tidak akan melihat kesukaran sebagai penghalang kejayaan, malah sebaliknya akan menjadikannya lebih gigih dan berdaya saing.

Ke arah itu, belia-belia perlu kita bekalkan dengan kemahiran bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi persaingan dan cabaran ini.

Sebab itulah, beta sering menekankan supaya program-program latihan belia khususnya di bidang keusahawanan perlulah diperkuatkan terutamanya dalam bidang-bidang pengurusan perniagaan dan kewangan, teknikal dan juga pemasaran.

Hanya dengan kemahiran ini, belia-belia akan dapat berdikari tanpa mengharapkan sebarang bantuan dari pihak-pihak tertentu.

Ini adalah selaras dengan Dasar Belia



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Belia Kebangsaan 2010 pada hari Isnin, 21 Syaaban 1431 H / 2 Ogos 2010 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Negara yang inginkan para belia menyertai segala macam kegiatan, khasnya kegiatan-kegiatan ekonomi. Semua ini dihasratkan, untuk kita sama-sama dapat menjana pembangunan ekonomi yang lebih dinamik, sehingga tercapainya Wawasan 2035.

Dalam pada itu, jangan lupakan garispanduan syarak, yang terimbas di dalam etika keusahawanan dan perniagaan Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda itu menangani semua ini

dengan penuh tabah, berani dan amanah, yang dengannya, menjadikan perusahaan dan perniagaan Baginda berjalan bersih mendapat kejayaan.

Etika ini, sama sekali jangan diabaikan, barulah Allah Subhanahu Wata'ala akan membantu kita dengan rahmat kurnia-Nya berupa pahala dan keuntungan, insya-Allah.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.